

Kerajaan perlu ambil kira kesan kepada rakyat

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan untuk mengapung dan menaikkan harga petrol RON95 sebanyak satu atau dua sen setiap minggu, dikuatiri memberi kesan kepada pengguna seperti yang sering berlaku setiap kali berlaku kenaikan harga bahan api itu sebelum ini.

Impak paling mencetuskan keresahan pengguna adalah kenaikan harga barang yang bakal menyebabkan mereka menerima kesan berganda kerana terpaksa juga menyerap kenaikan kos bahan api.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George, berkata keputusan kerajaan itu dibimbangi turut memberi ruang kepada pihak tertentu memanipulasi harga barang seperti yang biasa berlaku sebelum ini.

"Kita bimbang 'kartel-kartel' akan mengambil kesempatan untuk memastikan mereka memper-

oleh keuntungan, menekan pengguna dengan menaikkan harga barang keperluan. Lebih membimbangkan adalah spekulasi yang bakal dicetuskan dengan memanipulasi data-data sensitif dikeluarkan kerajaan," katanya kepada BH.

Beliau yang kecewa kerana keputusan 'sebesar' itu diumumkan menerusi jawapan tumbalan menteri pada persidangan di Dewan Rakyat semalam, menyifatkan tindakan sedemikian sebagai 'mendukacitakan' dan 'tidak profesional'.

"Kesan (kenaikan harga RON95) kepada pengguna adalah lebih besar. Kenapa perlu umum dengan cara demikian sedangkan biasanya ia dibuat melalui perbincangan dan secara teliti. Cara ini (pengumuman dalam persidangan di Dewan Rakyat) mengakibatkan keresahan ramai pihak," katanya.

Jacob juga menggesa kerajaan

tetapi bolehkah kerajaan jamin tiada kenaikan harga barang selepas ini.

"Jangan nanti (apabila berlaku kenaikan harga), lihat harga sekeping roti canai sahaja, perlu lihat kepada konteks yang lebih besar," katanya.

Bagi juruvideo, Khairul Omar, 34, kenaikan harga minyak walaupun dalam julat yang kecil, pasti mengundang keresahan rakyat yang bimbang dengan risiko kenaikan harga barang seperti yang selalu berlaku apabila harga bahan api naik sebelum ini.

"Tiada siapa suka dengan kenaikan harga, khususnya barang keperluan asas, namun melihat keadaan harga minyak dunia hari ini, ia (kenaikan harga bahan api) mungkin tidak dapat dielakkan dan pasti membebaskan pengguna terutama mereka yang bertaraf 'miskin bandar'," katanya.

Pekerja swasta, Atikah Dali, 35, juga mengakui pengumuman me-

ngenai kenaikan harga minyak mulai 1 Januari 2020 itu menimbulkan keresahan pengguna ketika isu kos sara hidup masih membelegu, khususnya bagi mereka yang tinggal di bandar.

"Harga minyak naik, pasti harga barang juga naik. Walaupun kerajaan memberi jaminan mengelakkan perkara itu, situasi sedemikian tetap berlaku jika mengambil kira keadaan setiap kali ada kenaikan harga minyak sebelum ini. Apa nasib kami yang berpendapatan tidak seberapa ini," katanya.

Usahawan, Aqmar Alladad, 35, berharap kerajaan memikirkan mekanisme terbaik untuk mengurangkan beban kewangan negara dan bukan dengan mengapung serta menaikkan harga RON95 setiap minggu seperti diumumkan.

"Kerajaan perlu juga melihat nasib dan kebajikan rakyat yang ketika ini bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi," katanya.



Jacob George

agar memastikan sebarang pengumuman atau penjelasan mengenai isu berkaitan harga minyak dibuat secara lebih profesional kerana ia isu sensitif dan membabitkan sebahagian besar rakyat.

"Adakah jawapan 'kita ada Akta Kawalan Harga' mampu menyelamatkan keadaan selepas harga barang dinaikkan. Kita sokong apabila kerajaan mahu beri subsidi kepada kumpulan sasar,